

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, February 22, 2017 3:37 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Penyelidik UUM Cemerlang Rangkul Emas Di IPTeX 2017



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



22 FEBRUARI 2017 / 25 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

PENYELIDIK UUM CEMERLANG RANGKUL EMAS DI IPITeX 2017



UUM ONLINE: Pasukan penyelidik UUM yang diketuai Dr Nurulwahida Azid@Aziz tampil cemerlang apabila berjaya merangkul pingat emas bagi dua produk yang dihasilkan bersama Ridzuan Hashim dan Dr Mardzelah Makhsin di Bangkok International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition (IPITeX 2017) di Thailand, baru-baru ini.

Pasukan penyelidik UUM mengetengahkan dua projek inovasi yang berjaya merangkul pingat emas iaitu *Successful Intelligence Interactive Modules* (SIIM) dan *Malaysian Multiple Intelligences Stimulator* (MMIS) serta Anugerah Khas World Women Inventors and Entrepreneurs Association (WWIEA) dari Korea Selatan.

Dr Nurulwahida berkata, MMIS adalah satu aplikasi interaktif yang dibangunkan menggunakan Flash CS6 Script bertujuan merangsang kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah berdasarkan sembilan kecerdasan pelbagai iaitu kecerdasan verbal linguistik, logik matematik, ruang visual, kinestetik, muzik, interpersonal, intrapersonal, naturalis dan eksistensial.

Menurutnya, semua aktiviti penyelesaian masalah yang disediakan adalah berdasarkan budaya, adat, bahasa dan agama utama di Malaysia, contohnya tarian zapin, lagu Tan Sri P. Ramlee, permainan tradisional seperti congkak, peribahasa Melayu, simpulan bahasa dan aspek-aspek asas Islam.

"Aktiviti yang disediakan mencabar minda remaja yang disasarkan berusia antara 12 hingga 14 tahun dan pada masa yang sama ia merangsang potensi setiap remaja menerusi sembilan kecerdasan pelbagai tersebut.

"Skor secara automatik bagi penyelesaian yang betul akan memberi maklumat kepada pengguna berkaitan kekuatan bagi setiap sembilan jenis kecerdasan pelbagai," ujarnya.

Sementara itu, bagi produk SIIM, Dr Nurulwahida berkata, ia merupakan aplikasi pembelajaran yang berasaskan komputer juga dibangunkan menggunakan Flash CS6 Script.

Katanya, aplikasi tersebut telah berjaya menarik minat kebanyakan negara seperti Poland, Korea Selatan dan Thailand, malah berjaya menerima Anugerah Khas WWIEA di IPITeX.

Tambahnya lagi, produk inovasi itu dibina sebagai bahan pengajaran interaktif yang bertujuan untuk merangsang Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (HOTS) dalam kalangan pelajar di UUM (Program Pendidikan).

"Kajian empirikal menunjukkan bahawa SIIM berjaya merangsang HOTS berdasarkan perbandingan di antara keputusan ujian pra dan pasca.

"Aplikasi ini mengandungi aktiviti pembelajaran yang mengukur tiga jenis kecerdasan berfikir iaitu kecerdasan berfikir analitikal, kreatif dan praktikal," katanya yang juga ahli Persatuan Penyelidikan dan Inovasi Malaysia (MyRIS).

Beliau yang juga Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML) berkata, SIIM adalah unik kerana ia melibatkan aktiviti pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran berdasarkan peristiwa kehidupan sebenar dan bahan-bahan dan pentaksiran autentik.

Menurutnya lagi, aktiviti pentaksiran yang mengukur HOTS pelajar adalah berdasarkan kepada garis panduan rubrik tiga jenis kecerdasan berfikir yang telah dibangunkan oleh penyelidik.

Ujar beliau, aplikasi tersebut secara tidak langsung membantu pensyarah, Institusi Pengajian Tinggi dan Institusi Pendidikan Guru menyediakan aktiviti pengayaan dalam pengajaran dan pembelajaran serta memastikan bahawa pelajar dalam program pendidikan memperoleh kemahiran insaniah yang amat diperlukan dalam usaha untuk melahirkan guru abad ke-21.

IPITeX anjuran National Research Council of Thailand (NRCT) dianjurkan setiap tahun sempena Thailand Inventors' Day yang bertujuan meningkatkan kerjasama antara pencipta dari Thailand dan juga antarabangsa.

Seramai 2500 penyelidik dari 19 negara seluruh dunia seperti Poland, United Kingdom, Romania, Korea Selatan, Iran, China, Taiwan dan Malaysia melibatkan lebih 1000 hasil inovasi mengambil bahagian dalam IPITeX 2017 yang telah dirasmikan Timbalan Perdana Menteri Thailand, Air Chief Marshal (ACM), Prajin Juntong.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.